

Pelaksanaan Program *First Year Experience* (FYE) Di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi Serta Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Hassan Bin Hushin & Idayati Binti Rahim
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aktiviti *First Year Experience* (FYE); mengenalpasti jenis atau bentuk aktiviti *First Year Experience* yang telah dijalankan di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat dan mengenalpasti perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien. Kajian ini melibatkan 254 orang pelajar tahun pertama di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi dan Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat di Universiti Teknologi Malaysia dengan menggunakan instrumen kajian soal selidik yang terdiri daripada 20 soalan. Selain itu, tiga pihak yang terlibat dalam instrumen kajian temu bual yang terdiri daripada 10 soalan. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Aspek yang dikaji adalah tahap persepsi pelajar terhadap program *First Year Experience* yang dijalankan. Analisis mengikut item dilakukan dengan menggunakan *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 11.5. Hasil kajian mendapati tahap persepsi pelajar berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min keseluruhan ialah 3.27. Manakala bagi maklum balas temu bual pula mendapati ketiga-tiga orang responden bersetuju aktiviti yang dilakukan adalah meliputi pelbagai jenis bentuk iaitu taklimat, ceramah, kem motivasi, perkhemahan dan bengkel. Mereka juga bersetuju perancangan Jawatankuasa FYE dan pihak PPS dalam pengurusan program FYE supaya lebih sistematik dan efisien adalah melalui enam pendekatan iaitu *Living Learning Communities*, *Peer Mentoring*, *Enhanced First Year Classroom*, *Supplemental Instruction & Tutoring*, *Orientation and Focused First Year Experience Advising*.

Katakunci : *First Year Experience* (FYE)

Pengenalan

Program *First Year Experience* (FYE) di universiti-universiti luar negara telah lama diperkenalkan dan dilaksanakan. Program FYE ini dirangka dengan tujuan membantu pelajar tahun pertama menghadapi masalah yang dihadapi semasa berada di kampus. Antara isunya adalah berkaitan dengan keluarga, rakan, kewangan, kemahiran belajar, pengurusan masa, motivasi diri dan juga persekitaran pembelajaran. Ini kerana kebanyakan daripada pelajar tahun pertama mendapati pembelajaran di universiti adalah berbeza dengan corak pendidikan semasa di sekolah, M.Z.Kamsah (2005).

Oleh itu, universiti-universiti di luar negara seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia bakal menjadikan pengalaman pelajar tahun pertama sebagai fokus utama di universiti. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti ertambahan bilangan pelajar, pelebaran universiti dalam latar belakang pelajar, terdapat pelajar yang menarik diri, pertambahan pelaksanaan dalam teknologi pengajaran dan juga penyampaian kursus yang fleksibel. Ini merupakan satu perubahan dalam system pendidikan di universiti di mana selama ini pelajar dibiarkan bebas mengikut acuan sendiri dalam pembelajaran dan kehidupan mereka di kampus. Dengan adanya program FYE ini, pensyarah akan bukan sahaja berperanan dalam

pengajaran tetapi juga menitikberatkan latar belakang pelajar tahun pertama yang pelbagai. Perhubungan baik yang terjalin antara pensyarah, pelajar kanan dan pelajar tahun pertama akan merangsang kepada pembelajaran pelajar tahun pertama seterusnya dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan dan sistem akademik di universiti.

Justeru setelah menilai pelaksanaan program FYE ini membawa banyak manfaat kepada pelajar tahun pertama, pihak pentadbiran di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu Dr. Ahmad Kamal Idris, Mantan Dekan Pengajian Pra-Siswazah telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan program FYE di UTM pada tahun 2006. Pelaksanaan program FYE adalah mengikut perancangan yang telah diperbincangkan oleh Jawatankuasa FYE bagi setiap fakulti di UTM. Namun bagi menyediakan program FYE yang masih baru di Malaysia ini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah bukan satu kerja yang mudah. Ia memerlukan usaha yang gigih serta sokongan yang berterusan daripada pihak pentadbir, Jawatankuasa FYE dan pelajar tahun pertama sendiri bagi mencapai matlamat yang diinginkan.

Walaupun fakulti-fakulti telah cuba merealisasikan matlamat program FYE ini yang memasuki tahun ketiga dengan bantuan yang diberikan seperti kewangan (sebelum ini pelajar menyediakan kewangan sendiri manakala sebahagian lagi sumber adalah sumbangan dari staf akademik sendiri) namun hakikatnya terdapat masalah yang timbul dalam pelaksanaan program FYE ini.

Pernyataan Masalah

Walaupun perjalanan pengurusan berjalan mengikut yang dicadangkan, isu pelaksanaan program FYE di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini telah mengundang beberapa persoalan dan pandangan yang dikemukakan oleh beberapa pihak mahupun yang terlibat secara langsung ataupun tidak. Ini kerana pertambahan mahupun perancangan sesuatu aktiviti dalam program FYE bagi pelajar tahun pertama adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa FYE di setiap fakulti di UTM. Sejajar dengan itu, adakalanya wakil yang dihantar oleh setiap fakulti ibarat melepas batuk di tangga. Pemilihan wakil tersebut sering bertukar, tidak konsisten dan acapkali tidak menyampaikan maklumat yang diperolehi melalui perbincangan kepada ahli Jawatankuasa FYE yang lain. Selain itu, walaupun semasa merancang sesuatu program FYE, Jawatankuasa FYE mempunyai suatu prinsip bahawa program yang dijalankan perlulah untuk faedah pelajar tahun pertama. Namun, pelarasan bagi setiap program yang dicadangkan adalah berbeza dan tidak selaras di antara fakulti-fakulti di UTM. Promosi-promosi yang dijalankan untuk program tersebut pula adalah tidak meluas dan sekata. Terdapat pelajar yang tidak tahu tentang program-program FYE yang dijalankan. Selain itu, pelaksanaan program FYE menjadi kurang berkesan kerana penguatkuasaan terhadap program yang dijalankan kurang efektif walaupun pelajar tahun pertama menyedari program tersebut merupakan aktiviti wajib bagi mereka. Ini menyebabkan ramai pelajar yang tidak ambil kisah.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan program *First Year Experience* (FYE) di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aktiviti *First Year Experience* di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, mengenalpasti jenis atau bentuk aktiviti *First Year Experience* yang telah dijalankan di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat dan mengenalpasti

perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aktiviti *First Year Experience* di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat.
- ii. Mengenalpasti jenis atau bentuk aktiviti *First Year Experience* yang telah dijalankan di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat.
- iii. Mengenalpasti perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien.

Kepentingan Kajian

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, bahawa program *First Year Experience* (FYE) memberi banyak faedah terutamanya kepada pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa. Antara faedah pelaksanaan program FYE ini, ia meliputi banyak aspek seperti sosial, penggunaan sumber yang disediakan di kampus, kemahiran berdikari, akademik, pembangunan sahsiah diri dan teknologi baru (komputer dan alatan). Dari segi sosial, pelajar dapat membina hubungan dua hala antara pelajar dan tenaga pengajar dengan lebih berkesan. Selain itu, melalui program FYE ini juga, ramai kawan baru boleh dicari. Secara tidak langsung akan meningkatkan lagi tahap atau kemahiran berkomunikasi. Ini akan membolehkan pelajar tahun pertama melalui fasa penyesuaian dengan mudah.

Dari segi peningkatan sahsiah diri yang akan turut meningkat kerana dengan program FYE ini akan mendidik pelajar tentang cara hidup dalam sebuah komuniti yang luas. Ia juga akan menjadikan pelajar tahun pertama lebih berdisiplin dan mempunyai kemahiran berdikari yang boleh dibanggakan.

Bagi penggunaan sumber pula, UTM telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk kemudahan pelajar. Ini termasuklah dalam pembinaan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) dengan pelbagai kemudahan yang terkini serta menyediakan seminar dalam membina kemahiran mencari maklumat yang datang dari pelbagai sumber. Melalui program FYE, pelajar tahun pertama akan diperkenalkan dengan cara penggunaan teknologi serta cara pencarian maklumat. Program FYE juga turut memperkenalkan infrastruktur, alatan atau komputer baru untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan adanya kajian ini, program FYE di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan dapat memberi manfaat kepada tenaga pengajar dan khususnya kepada pelajar tahun pertama. Oleh itu, tenaga pengajar adalah sebagai tonggak utama dalam pelaksanaan program FYE ini perlu memainkan peranan penting bagi memastikan pelaksanaan program FYE dilaksanakan dengan jayanya.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah garis panduan, rancangan strategi yang disediakan bertujuan untuk menjawab soalan penyelidikan dengan mengawal ralat yang dapat mempengaruhi keputusan kajian. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar tahun pertama terhadap aktiviti FYE di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, mengenalpasti jenis atau bentuk aktiviti FYE yang telah dijalankan serta mengenalpasti perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien.

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan kerana data diambil dalam satu masa tertentu sahaja (Mohammad Najib, 1999). Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah serta menjimatkan masa dan perbelanjaan. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik dan borang temu bual bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel. Ini disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan (Mohd Majid Konting, 1993). Bagi temu bual, kebiasaannya, manusia lebih mudah bertindak secara lisan daripada bertulis. Penemubual boleh menerangkan dengan jelas maksud soalan atau kajian serta mampu memberikan maklumat yang lebih tepat, lengkap dan mendalam. Dengan ini dapat mengelakkan salah tafsir dan salah anggap. Oleh itu, pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah dalam mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan.

Dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik dan temubual, semua perolehan data dianalisis. Soal selidik dijalankan bagi mengetahui apakah persepsi pelajar tahun pertama terhadap aktiviti FYE di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Manakala temu bual pula untuk mengetahui jenis atau bentuk aktiviti FYE yang telah dijalankan serta mengenalpasti perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien.

Data yang dianalisis diperolehi dari soal selidik dan temu bual telah diedarkan kepada pelajar tahun pertama dan jadual temu bual daripada tiga pihak. Semua dapatan akan diklasifikasikan mengikut aspek yang ditetapkan dan ditafsirkan secara kuantitatif dan kualitatif. Penganalisan data kajian bagi soal selidik akan meliputi latar belakang responden, persepsi pelajar tahun pertama terhadap aktiviti FYE di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Bagi temu bual pula meliputi sepuluh soalan untuk mengetahui jenis atau bentuk aktiviti FYE yang telah dijalankan di tiga buah fakulti serta perancangan Jawatankuasa *First Year Experience* dan pihak Pejabat Pengajian Pra-Siswazah dalam pengurusan program *First Year Experience* supaya lebih sistematik dan efisien. Kajian ini juga menumpukan kepada kaedah penentuan populasi, sampel, instrumen, prosedur kajian, kajian rintis dan analisis data.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun pertama sesi pengajian 2008/2009 yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di tiga buah fakulti iaitu Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Oleh kerana populasi yang besar iaitu seramai 758 orang

pelajar tahun pertama yang terdiri daripada pelajar dari FAB (233 orang), FKSG (247 orang) dan FSKSM (278 orang), maka sampel yang dipilih secara rawak daripada setiap fakulti diedarkan. Oleh itu, sebanyak 254 set borang soal selidik telah diedarkan mengikut perkiraan yang telah ditetapkan berdasarkan jadual penentu saiz sample berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan (Krejcie R.V and Morgan D.W, 1970:607-610).

Penyelidik berpendapat hanya mereka yang terlibat sahaja yang dapat memberikan maklumat yang sebenar mengenai persepsi pelajar tahun pertama terhadap aktiviti FYE di Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi serta Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat. Manakala untuk mendapatkan data berbentuk jenis atau bentuk aktiviti FYE yang telah dijalankan serta perancangan Jawatankuasa FYE dan pihak PPS dalam pengurusan program FYE supaya lebih sistematik dan efisien, penyelidik telah menemubual tiga pihak yang terlibat secara langsung dengan program FYE di fakulti. Pemilihan responden di setiap fakulti adalah berdasarkan perkiraan 33.5% daripada jumlah pelajar tahun pertama di setiap fakulti. Taburan responden untuk soal selidik berdasarkan fakulti adalah seperti berikut,

Jadual 1 : Taburan responden soal selidik kajian berdasarkan fakulti

Fakulti	Bil	Bilangan yang diterima
1. Fakulti Alam Bina	78	87
2. Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi	83	78
3. Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat	93	89
JUMLAH	254	254

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu telah membuat kajian rintis. Tujuan utama pelaksanaan kajian rintis ini adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Ianya membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian Sprinthal (Megat Azizi, 2002). Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Instrumen Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyempurnakan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

Pengumpulan Data Primer

a) Soal Selidik

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik Soal selidik ini dibina sendiri oleh pengkaji dan pembinaan soal selidik ini dibina adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (Megat Azizi,2002), iaitu:-.

- i. Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii. Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik.

iii. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soalan soalan selidik.

b) Temu bual

Selain daripada instrumen kajian soal selidik, instrumen temu bual juga digunakan dalam kajian ini. Temu bual digunakan agar memperolehi jawapan yang tepat kepada persoalan kajian. Ini kerana temubual yang dijalankan adalah temu bual bersama dengan individu yang memang berkait secara langsung dengan pelaksanaan program FYE di UTM.

Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat tertentu, data-data sekunder yang sesuai diperlukan untuk menyokong huraian tersebut yang diperolehi melalui buku-buku, laporan kajian, laporan persidangan, penyelidikan bertulis, jurnal, artikel majalah, surat khabar serta artikel dan laporan dari internet.

Analisis Data

Keseluruhan responden memberi peratusan kefahaman tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) adalah 42.6% bersetuju, 34.8% tidak pasti dan 22.6% tidak setuju. Manakala nilai minnya adalah 3.21 menunjukkan kefahaman pelajar Tahun Pertama pada tahap yang sederhana.

Keseluruhan responden memberi peratusan tentang pengisian Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) dapat diterima oleh pelajar tahun pertama adalah 42.7% tidak pasti, 42.3% bersetuju dan 15.0% tidak setuju. Manakala nilai minnya adalah 3.29 menunjukkan pengisian aktiviti FYE yang ada diselitkan Program FYE adalah pada tahap yang sederhana.

Keseluruhan responden memberi peratusan pelaksanaan tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) adalah 46.0% tidak pasti, 33.4% bersetuju dan 20.7% tidak setuju. Manakala nilai minnya adalah 3.14 menunjukkan persepsi pelajar tahun pertama tentang pelaksanaan Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) pada tahap yang sederhana.

Keseluruhan responden memberi peratusan tentang aktiviti yang dijalankan memenuhi matlamat FYE ada dijalankan dalam Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) adalah 44.7% adalah bersetuju, 42.3% tidak pasti dan 13.0% tidak setuju. Manakala nilai minnya adalah 3.35 menunjukkan aktiviti yang dijalankan adalah pada tahap yang sederhana.

Keseluruhan responden memberi peratusan pandangan @ pendapat pelajar tahun pertama tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) secara umum adalah 43.8% tidak pasti, 42.0% bersetuju dan 14.3% tidak setuju. Manakala nilai minnya adalah 3.38 menunjukkan pandangan @ pendapat pelajar Tahun Pertama tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) secara umum pada tahap yang sederhana.

Perbincangan

1. Mengenal pasti persepsi pelajar sama ada wujud kefahaman tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) pada pelajar tahun pertama.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan, persetujuan responden dengan wujudnya kefahaman tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) pada pelajar tahun pertama adalah sederhana iaitu dengan nilai min 3.21. Ini memberi gambaran bahawa terdapat pelajar tahun pertama yang masih tidak tahu apa itu FYE sedangkan aktiviti FYE telah dijalankan di fakulti masing-masing. Dalam hasil kajian oleh King (1999), menyatakan bahawa, untuk memastikan pelajar mengambil semua kelebihan yang diperolehi

daripada kajian yang telah dijalankan, universiti perlu memastikan pelajar menyertai serta terlibat dalam semua aktiviti seperti kaunseling semasa musim panas, orientasi, minggu menyambut kedatangan musim luruh dan diikuti dengan sesi kaunseling serta pelbagai aktiviti yang memimpin pelajar tahun pertama dalam melalui tahun pertama di universiti.

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan, seramai 127 orang pelajar (50%) telah menyatakan bersetuju bahawa kewujudan program FYE di fakulti melalui aktiviti FYE- orientasi adalah amat perlu bagi membantu mereka memahami Sistem dan Peraturan Akademik, Penasihat Akademik, apa yang bakal mereka pelajari mahupun lalui sepanjang mengikuti program yang ditawarkan dan kesedaran kerjaya. Ini bersesuaian dengan hasil kajian oleh Motoko Y.Lee (1981), yang mendapati pelajar tahun pertama memerlukan pelbagai informasi penting sebagai pendedahan kepada dunia luas di kampus. Tiga informasi terpenting yang diperlukan adalah informasi tentang keperluan informasi (informasi tentang universiti dan informasi tentang komuniti), informasi tentang keperluan program ijazah (keperluan tentang perancangan akademik dan keperluan tentang hubungan akademik), keperluan program akademik yang berkaitan, aktiviti tambahan, keperluan dalam kehidupan akademik, keperluan bantuan kewangan dan keperluan kehidupan dalam komuniti dan hubungan interpersonal. Ini turut disokong oleh responden bagi ketiga-tiga individu yang ditemu bual bahawa orientasi fakulti memainkan peranan penting bagi memandu pelajar tahun pertama melalui kehidupan di kampus.

2. Mengenalpasti persepsi pelajar sama ada pengisian Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience* -FYE) dapat diterima oleh pelajar tahun pertama.

Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan pengisian Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience* -FYE) dapat diterima oleh pelajar tahun pertama berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min 3.29. Ini memberi gambaran bahawa pelajar memerlukan pelbagai bentuk pengisian bagi menambahkan minat pelajar terhadap program ini kerana seramai 114 orang pelajar (44.9%) menyatakan bahawa program FYE memberi kefahaman awal mengenai objektif kursus dan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang akan diikuti semasa tahun pertama dan seterusnya . Namun hanya 95 orang pelajar sahaja (37.4%) menyatakan suka dan berminat terhadap program FYE yang dilaksanakan di fakulti. Kenyataan ini jelas disokong oleh String (1964) dalam Maimunah Ismail (1989) telah menyatakan bahawa seseorang itu akan suka pada sesuatu objek itu apabila ia bersedia untuk menunjukkan reaksi terhadapnya.

3. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience* -FYE) dijalankan dan dikuatkuasakan kehadirannya.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan pelaksanaan Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience* -FYE) juga berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai min 3.14. Ini bermakna penguatkuasaan kehadiran perlu lebih dikuatkuasakan lagi dan pemberitahuan tentang sesuatu program FYE yang akan dijalankan perlu dilakukan dengan lebih luas lagi. Namun di peringkat universiti tiada paksaan. Ianya hanyalah bermula dengan motivasi intrinsik pelajar itu sendiri. Kenyataan ini disokong dengan kenyataan yang diberikan oleh individu yang ditemu bual bahawa kebanyakan pelajar yang melibatkan diri adalah pelajar yang cemerlang. Ini kerana ia bertindak di atas kesedaran sendiri.

4. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan dalam Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*).

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan aktiviti yang dijalankan dalam Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai min 3.35. Ini bermakna aktiviti yang dijalankan perlu ditingkatkan keberkesannya agar pelajar seronok dan faham matlamat FYE itu sendiri.

Daripada kajian yang dijalankan, seramai 135 orang pelajar (53.1%) bersetuju bahawa kemahiran belajar dan kesedaran kerjaya diselitkan dalam program FYE. Ini juga ditekankan oleh individu yang ditemu bual iaitu kemahiran belajar adalah sangat penting di peringkat universiti kerana sistemnya adalah berbeza dengan di sekolah. Di samping itu kesedaran tentang kerjaya juga turut penting kerana memberikan pendedahan kepada pelajar kepada situasi sebenar alam pekerjaan yang bakal mereka tempuhi. Ramai pelajar yang menyedari hakikat bahawa kemahiran belajar sangat penting. Justeru, ini bertepatan dengan kenyataan (Flinch, 1974), bahawa pembelajaran pelajar tahun pertama ini dapat dikaitkan dengan pelbagai teori pembelajaran seperti konstruktif, behaviorisme, teori perkembangan Piaget, Neurasains, pembelajaran berasaskan otak kiri dan otak kanan, teknik berfikir, praktis komuniti, pembelajaran berasaskan masalah, teori kawalan, gaya pembelajaran, teori Kolb dan taksonomi Bloom. Keefe (1991), pula telah menyatakan teori-teori pembelajaran ini memperlihatkan bahawa pembelajaran adalah bersifat kognitif, afektif dan tingkah laku psikologi yang relatif stabil sebagai petunjuk bagaimana pelajar melihat, berinteraksi dan bertindak balas kepada suasana pembelajaran.

5. Mengenalpasti pandangan @ pendapat pelajar tahun pertama tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) secara umum.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, persetujuan responden dengan pandangan @ pendapat pelajar tahun pertama tentang Program Pengalaman Tahun Pertama (*First Year Experience -FYE*) juga berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai min 3.38. Ini memberi gambaran bahawa pelajar masih perlu diberikan cetusan minda bahawa FYE boleh membantu mereka dalam melalui kehidupan dikampus.

Sungguhpun tahap persepsi pelajar adalah berada di tahap sederhana, pelajar turut menyedari bahawa program FYE adalah penting untuk pelajar tahun pertama dan wajar diteruskan. Ini dapat dilihat daripada hasil dapatan kajian, iaitu seramai 142 orang pelajar (55.9%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, pengkaji juga berpendapat dengan memberikan pendedahan program FYE ini secara berterusan dan berkala dapat membantu pelajar memahami budaya hidup di universiti seterusnya membawa kepada penambahbaikan program FYE itu sendiri.

Rujukan :

- Atan Long.(1980). *Fikiran-fikiran tentang pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bruce Shertzer (1992). *Asas-Asas Bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chenery, M. F. (1994). *Explaining the value of camp*. *Camping Magazine*. May-Jun. Pg. 21
- Datuk Abdul Aziz Ahmad.(2001). *Kamus Za"ba*. Kuala Lumpur:Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.

- Evans, N.J., Fornet D.S., Guido-Dibirto.F (1998). *Student Development in College Theory, Research and Practise*. San Francisco, California: Jossey-Bass
- Flinch, M. (1997). *Learning is a personal of acquiring breaking down and internalizing new information into knowledge. The Lake of Learning*. Edisi elektronik.
- George D. Kuh, Jilian Kinzie, John H. Schuh, Elizabeth J. Whitt and Associates. (2005). Publish by Jossey-Bass.
- Krejcie, R.V and Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30.607-610
- Lau, H.S. (2005). *Impak Awal Program Pensiangan – Salinatan: Implikasi Kecekapan Tukaran Ekonomi*. Jurnal MAPERA, JLD 16, 2005, muka surat 25-37.
- Lokman Ismail. (2005). *Graduan Berkualiti*. Utusan Malaysia. Maimunah Ismail (1993). *Pengembangan Implikasi Ke atas Pembangunan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazman Abdul Majid, Masdinah Alauyah Md Yusoff, Tina Abdullah. (2007). *Academic Report Writing*. Kuala Lumpur: Person Prentice Hall.
- Stake, J.E., Hoffman, F.L (2001), *Changes in Student Social Attitudes, Activism and Personal Confidence in Higher Education: The Rule of Woman Study*. *American Educational Research Journal*
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan, Publications and Distribution Sdn Bhd
- Teuku Iskandar. (1994). *Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris: Peranan Sekolah*. *Kolokium Kebangsaan kepimpinan Intruksional*. Institut Aminudin Baki Cawangan Utara.
- Wong Sook Kui. (1998). *Keceergasan dalam Aktivit Bersukan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn . Bhd